

NO. SOALAN:399

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH :

RUJUKAN : 10133

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan orang yang telah ditangkap dan dituduh di bawah kes-kes Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 sehingga sekarang.

Jawapan:

Tuan Yang di-pertua,

Sejak pindaan kepada Akta Pencegahan Jenayah 1959 mula dikuatkuasakan hingga 15 Julai 2017, seramai 3,473 orang telah diambil tindakan di bawah Akta tersebut. Manakala seramai 1,048 orang telah ditangkap di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) yang merupakan suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubungan dengan kesalahan keselamatan bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ini jelas menunjukkan bahawa SOSMA merupakan suatu undang-undang berbentuk prosedur sahaja manakala jenis-jenis kesalahan yang melibatkan kesalahan keselamatan telah dinyatakan di dalam Jadual Pertama Akta tersebut.